

باب عدم إيمان من لم يحب الرسول صلى الله عليه وسلم محبة أكثر من محبة لأهله وولده ووالده والناس أجمعين

*Bab Tidak Beriman Orang Yang Tidak Menyintai Rasul s.a.w Lebih Daripada Kecintaannya Terhadap Ahli Keluarganya, Anaknya, Bapanya Dan Manusia Seluruhnya.*¹⁶⁴

٣٥ - عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

35- Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: “Tidak beriman seseorang daripada kamu¹⁶⁵ sehingga aku lebih dicintainya daripada anaknya, ayahnya dan manusia sekaliannya.¹⁶⁶

¹⁶² Allah menyelamatkan seseorang daripada kekufuran dengan salah satu daripada dua cara berikut: (1) Dengan melahirkannya dalam keluarga Islam dan menghidupkannya sebagai orang Islam sampai mati. (2) Dengan melepaskannya daripada kegelapan kekufuran kepada cahaya Islam. Atau dengan kata lain mendorongnya memeluk agama Islam.

¹⁶³ Selain Muslim, hadits Anas ini turut diriwayatkan juga oleh al-Bukhari, Ahmad, Tirmizi, an-Nasaa'i dan Ibnu Majah.

¹⁶⁴ Qaadhi 'Iyaadh, Imam Nawawi dan kebanyakan penyusun matan Sahih Muslim membuat tajuk: باب وجوب محبة رسول الله صلى الله عليه وسلم أكثر من الأهل والولد والوالد والناس أجمعين وإطلاق عدم الإيمان (Bab Kewajipan Menyintai Rasulullah S.A.W. Melebihi Isteri, Anak-Pinak, Bapa Dan Manusia Sekaliannya. Dan Bab Mengatakan Tidak Beriman Kepada Orang Yang Tidak Menyintai Baginda Sampai Ke Tahap Itu). Imam al-Qurthubi membuat tajuk: باب لا يصح الإيمان حتى تكون محبة رسول الله صلى الله عليه وسلم راجعة على كل محبوب من الخلق (Bab Tidak Sah Iman Selagi Cinta Kepada Rasulullah S.A.W. Tidak Melebihi Cinta Kepada Apa Saja Yang Dikasihi). Al-Ubbi dan as-Sanusi pula tidak membuat tajuk untuk hadits ini. Mereka berdua memasukkan hadits ke 35 di bawah tajuk bab sebelumnya.

¹⁶⁵ Maksud tidak beriman seseorang daripada kamu di sini ialah tidak sempurna iman seseorang daripada kamu. Sama seperti kata orang-orang Arab: فلان ليس بإنسان (si fulan bukan manusia), padahal maksudnya ialah si fulan bukan manusia yang sempurna. Penggunaan ayat-ayat seperti ini adalah termasuk di bawah qaedah ilmu Balaghah yang berbunyi: تنزيل الناقص منزلة العدم (mengira sesuatu yang kurang itu seperti tiada saja).

¹⁶⁶ Para 'ulama' hadits membahagikan cinta kepada empat jenis. **Pertama:** Cinta atas dorongan naluri atau tabi'at semula jadi (الحب الطبيعي). **Kedua:** Cinta atas dorongan 'aql (الحب العقلي). **Ketiga:** Cinta atas dorongan iman, agama dan syari'at (الحب الإيماني والديني والشرعي). **Keempat:** Cinta atas dorongan 'isyq (الحب العشقي). **Cinta atas dorongan naluri** atau tabi'at semula jadi ialah seperti kasih seseorang terhadap diri sendiri, ibu bapa, anak pinak atau sesuatu yang disayangi tanpa ada sebarang alasan logik, ketentuan agama dan 'adat resam. Cinta ini tetap

ada walaupun pada binatang yang tidak ber`aql. Ia merupakan perasaan manusia yang di luar batas ikhtiarnya. **Cinta atas dorongan `aql** ialah cinta yang beralaskan logik dan perhitungan untung rugi atau baik buruknya sesuatu yang dihadapi. Menurut tabi`at semula jadi manusia, tidak ada siapa pun suka ibu jari kakinya dipotong. Tetapi dalam keadaan sedar jika ibu jari kaki dipotong selesailah masalah dan jika ibu jari kaki tidak dipotong pula penyakit akan terus merebak ke anggota-anggota yang lain. Pada ketika itu bukan ibu jari kaki sahaja yang perlu dipotong, tetapi mungkin sampai ke bahagian atas paha. Pesakit bijak yang menghadapi situasi ini tentu akan memilih ibu jari kakinya saja dipotong. Ubat yang pahit tidak disukai semua pesakit. Namun begitu pesakit tetap meneguknya lantaran sedar ia dapat menghilangkan kesakitan yang ditanggungnya. Contoh-contoh ini menunjukkan cinta atas dorongan `aql sering kali dapat mengatasi cinta atas dorongan naluri. Cinta ini termasuk dalam batas ikhtiar manusia. **Cinta atas dorongan iman**, agama dan syari`at ialah pilihan hati manusia untuk mengikuti segala tuntutan iman dan agama, walaupun ia tidak sesuai dengan kehendak nafsu dan tabi`at asal kejadiannya. Apa-apa tindakan yang dibuat atas dorongan cinta ini tentunya tanpa perhitungan untung rugi atau baik buruknya menurut kaca mata keduniaan. Lihatlah kepada seorang tua yang terketar-ketar bangun di waktu subuh di negeri yang sangat sejuk, lalu berwudhu` dengan air dingin yang menyucuk sampai ke tulang hitam dan bersembahyang dengan penuh khusyu`, pada ketika orang-orang yang tidak beragama nyenyak tidur dengan berselimut litup. Apakah keuntungan dan kebaikan duniawi yang mendorongnya bersusah payah sedemikian rupa? Tidak ada apa-apa. Apakah kerugian dan keburukan duniawi yang dibimbangi akan menimpa dirinya jika tidak bersembahyang subuh? Ya, tidak ada apa-apa juga kalau di lihat dari sudut pandangan keduniaan. Contoh ini menampakkan betapa cinta atas dorongan iman dan agama itu mengatasi dua jenis cinta yang tersebut sebelumnya. Cinta ini juga termasuk dalam batas ikhtiar manusia. **Cinta atas dorongan `isyq** pula merupakan puncak cinta atas dorongan iman dan agama. Apabila ajaran agama dilakukan satu per satu tanpa mengambil kira akibatnya, sama ada ia membawa keuntungan dan kebaikan duniawi atau tidak. Perintah dan larangan Allah pula tidak dituruti kerana mengharap syurga dan takutkan nerakaNya, malah ia dituruti semata-mata kerana datangnya dari Allah dan RasulNya. Orang mu`min yang berada pada maqam ini hanya mengambil kira redha (perkenan) Allah dan RasulNya semata-mata, walaupun untuk mendapatkannya ia terpaksa tersisih atau disisihkan. Berada jauh dari kekasih dan tidak dapat berhadapan muka dengannya, meskipun terasa amat berat dan sangat-sangat menekan batin, tetapi jika itulah kehendaknya dan jika di situlah terletak redhanya, ia juga akan diterima dengan senang hati. Keadaannya benar-benar seperti kata penya`ir: أريدُ وصَّالَه ويريدُ هَجْرِي ۞ فاتركُ ما أريدُ لما أريدُ Bermaksud: "Aku mahu bertemu dengannya. Dia pula mahu berpisah denganku. Maka ku tinggalkan kehendakku demi kehendaknya." Kemahuan dan kehendak orang yang berada pada maqam ini sebenarnya telah lebur dalam kemahuan dan kehendak kekasihnya. Anda dapat melihat contoh cinta atas dorongan `isyq ini pada kisah Wahsyi yang telah membunuh bapa saudara Nabi s.a.w, Hamzah. Wahsyi akhirnya memeluk agama Islam ketika Rasulullah s.a.w. masih hidup. Rasulullah s.a.w. tidak dapat melihat Wahsyi kerana terkenangkan Hamzah yang dibunuhnya. Lihat apa kata Rasulullah s.a.w. kepadanya dan apa pula reaksinya: وَجْهَكَ فَلَا أَرِيكَ قَالَ فَكُنْتُ أَتَكْتُبُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْثُ كَانَ لِئَلَّا يَرَانِي حَتَّى قَبَضَهُ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ Bermaksud: Ah! Tolong jangan tunjukkan mukamu kepadaku. Aku tidak dapat melihatmu. Kata Wahsyi: "Kerana itu aku sentiasa mengelak diri daripada Rasulullah s.a.w. di mana saja Baginda

berada, supaya aku tidak kelihatan kepadanya sampai Baginda s.a.w. meninggal dunia.” (Lihat Sunan Baihaqi, Musnad Abu Daud at-Thayaalisi, Usdu al-Ghaabah, Siyar A’laami an-Nubalaa’ dan lain-lain). Walaupun Wahsyi hendak sangat berhadapan muka dengan Rasulullah s.a.w, tetapi oleh kerana Rasulullah s.a.w. tidak dapat melihatnya, beliau redha saja dengan keputusan Baginda s.a.w. itu. Walaupun Wahsyi ingin sekali berada di samping Rasulullah s.a.w. seperti orang-orang lain, tetapi bukan itu pula yang diinginkan Baginda. Maka beliau sentiasa menyisih diri daripada Baginda dan berpada dengan memandang Baginda dari jauh saja. Cinta atas dorongan ‘isyq ini juga termasuk dalam batas ikhtiar manusia. **Para ‘ulama’ hadits berbeza pendapat** tentang cinta yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas. Adakah ia cinta atas dorongan naluri atau atas dorongan ‘aql? Mereka terbahagi kepada dua kumpulan dalam soal ini. **Pertamanya ialah golongan yang berpendapat** cinta yang dimaksudkan oleh Rasulullah di dalam hadits di atas ialah cinta atas dorongan naluri, malah lebih tinggi lagi daripadanya. Kata mereka hadits Anas itu menceritakan tentang kesempurnaan iman bukan tentang kewujudan iman. Iman seseorang baru akan sempurna apabila ia kasih kepada Rasulullah s.a.w. melebihi kasihnya kepada ayah dan anaknya. Malah kasihnya kepada Rasulullah s.a.w. itu hendaklah melebihi kasihnya kepada manusia sekaliannya. Bukankah kasih kepada ayah, anak dan keluarga itu termasuk dalam kasih dan cinta atas dorongan naluri semula jadi manusia atau الحب الطبيعي? Tentulah cinta yang dituntut itu bersifat tabi’i juga, malah lebih lagi dari itu. Antara alasan mereka ialah: (1) Firman Allah di bawah ini:

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسْكَنٌ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ

إِلَيْكُمْ مِنْ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ٢٤

Bermaksud: Katakanlah: “Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khawatiri kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah dan RasulNya dan dari berjihad di jalanNya, Maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusanNya (‘azabNya); kerana Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasiq (derhaka).” (at-Taubah:24). Ayat ini menjelaskan cinta kepada Allah dan RasulNya serta berjihad di jalanNya mestilah melebihi cinta kepada segala benda lain yang lahirnya adalah atas dorongan naluri dan tabi’at semula jadi manusia. Oleh itu cinta yang dituntut Baginda s.a.w. untuk kesempurnaan iman itu juga semestinya bersifat tabi’i, malah ia seharusnya berada dipuncak cinta itu, di tahap paling atas daripadanya. (2) Hadits yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin Hisyam r.a. ini. Kata beliau: كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ أَخَذَ بِيَدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فَقَالَ لَهُ عُمَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ لَأَنْتَ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ إِلَّا مِنْ نَفْسِي فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْكَ مِنْ نَفْسِكَ فَقَالَ لَهُ عُمَرُ فَإِنَّهُ الْآنَ وَاللَّهِ لَأَنْتَ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ نَفْسِي فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْآنَ يَا عُمَرُ Bermaksud: “Pernah kami bersama Nabi s.a.w. Ketika itu Nabi s.a.w. sedang memegang tangan ‘Umar bin al-Khatthaab. Lalu ‘Umar berkata kepada Baginda s.a.w.: “Wahai Rasulullah! Cintaku kepadamu melebihi segala sesuatu kecuali diriku sendiri.” Nabi s.a.w. lantas bersabda: “Tidak boleh, demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, selagi aku tidak dicintaimu melebihi dirimu sendiri!” Maka ‘Umar berkata: “Ya, demi Allah, sesungguhnya engkau sekarang lebih ku cintai daripada diriku sendiri!” Pada ketika itu barulah Nabi s.a.w. bersabda: “Ya sekarang (baru betul-betul sempurna imanmu), wahai ‘Umar.” (Hadits riwayat Bukhari dan Ahmad). Cinta kepada diri sendiri juga termasuk dalam cinta atas dorongan naluri. Nabi s.a.w. tetap menghendaki ‘Umar menyintainya melebihi dirinya sendiri. Ini

٣٦ - عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ أَوْ قَالَ لِجَارِهِ مَا يُحِبُّ

لِنَفْسِهِ

36- Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w bersabda: “Tidak beriman seseorang daripada kamu sehingga dia suka untuk saudaranya, atau kata Anas (atau Qataadah),¹⁶⁷ untuk jirannya apa yang dia suka untuk dirinya.”¹⁶⁸

menunjukkan cinta kepada Rasulullah s.a.w. yang dikehendaki untuk kesempurnaan iman itu bersifat tabi'i juga, malah ia seharusnya berada dipuncak cinta itu, di tahap paling atas daripadanya. Antara tokoh 'ulama' yang termasuk dalam golongan pertama ialah al-Aini, at-Thibi dan Syah Waliyyullah r.a. **Keduanya ialah golongan yang berpendapat** cinta yang dimaksudkan oleh Rasulullah di dalam hadits di atas ialah cinta atas dorongan 'aql atau cinta dalam batas ikhtiar dan kemampuan manusia. Bagi mereka cinta atas dorongan naluri itu di luar batas ikhtiar dan kemampuan manusia. Sedangkan taklif agama hanya daripada perkara-perkara yang berada dalam batas ikhtiar, pilihan dan kemampuan manusia. Mana mungkin Rasulullah akan mengaitkan kesempurnaan iman dengan sesuatu yang di luar daripada ikhtiar dan kemampuan manusia? Dua firman Allah berikut juga jelas menegaskan hakikat ini: لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا Bermaksud: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya...(al-Baqarah:286). لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا آتَاهَا Bermaksud: Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar apa (kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (at-Thalaaq:7). Dua dalil yang dikemukakan oleh golongan pertama itu bagi mereka ini lebih tepat dikaitkan dengan cinta atas dorongan 'aql. Cuma cinta atas dorongan 'aql itu apabila meningkat naik, ia akan bertukar menjadi cinta atas dorongan iman dan agama. Apabila cinta atas dorongan iman dan agama ini pula meningkat, ia akan bertukar menjadi cinta atas dorongan 'isyq (الحب العشقي). Cinta atas dorongan 'isyq itulah kemuncak bagi cinta dalam batas ikhtiar dan kemampuan manusia. Darjat cinta seseorang mu'min kepada Rasulullah s.a.w. itu berbeza-beza. Darjatnya yang paling rendah ialah darjat cinta atas dorongan 'aql. Antara tokoh 'ulama' yang termasuk dalam golongan kedua ialah Khatthaabi, Baidhaawi, Nawawi dan lain-lain. Kata al-Khatthaabi: “Cinta yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini bukan cinta atas dorongan naluri. Tetapi cinta atas dorongan iman yang berada dalam pilihan dan ikhtiar manusia. Sebabnya ialah kecintaan manusia kepada ahli keluarga dan harta benda itu adalah naluri yang tertanam di dalam jiwanya. Ia merupakan sesuatu yang tidak dapat diubah dan di luar pilihan dan kemampuan manusia. Jadi maksud sabda Rasulullah s.a.w. ini ialah seseorang itu tidak benar-benar beriman selagi ia tidak sanggup mengorbankan dirinya kerana menta'atiku dan selagi ia tidak mengutamakan redhaku daripada kehendak dirinya, walaupun untuk itu ia terpaksa mati.” Selain Muslim, hadits ini diriwayatkan juga oleh Bukhari, Ahmad, Nasaa'i, Ibnu Majah, Daarimi, Abu Ya'la dan lain-lain.

¹⁶⁷ Perawi yang syak di sini ialah Qataadah. Beliau syak sama ada Anas menyebut لِأَخِيهِ atau لِجَارِهِ. Mungkin juga perawi yang syak di sini ialah Syu'bah. Beliau syak sama ada Qataadah telah menyebut لِأَخِيهِ atau لِجَارِهِ.

باب بيان تحريم إيذاء الجار

*Bab Haram Menyakiti Jiran Tetangga.*¹⁶⁹

٣٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ لَا يَأْمَنُ جَارَهُ بَوَائِقَهُ

37- Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidak akan masuk syurga¹⁷⁰ orang yang jirannya tidak berasa selamat daripada kejahatan-kejahatannya.”¹⁷¹

¹⁶⁸ Seseorang mu'min yang sempurna imannya akan suka dan gembira jika saudara seagamanya atau jirannya memperolehi apa-apa yang baik berupa kejayaan, keuntungan, kemuliaan dan lain-lain seperti ia sendiri suka dan gembira jika memperolehinya. Di dalam hatinya langsung tidak ada ruang untuk perasaan dengki dan iri hati terhadap saudara seagama atau jiran tetangga.

¹⁶⁹ Demikianlah tajuk bab yang dibuat Qadhi 'Iyaadh dan an-Nawawi di sini. al-Ubbi dan as-Sanusi membuat tajuk yang berbunyi: باب إكرام الجار (Bab Memuliakan Jiran Tetangga), al-Qurthubi pula membuat tajuk yang berbunyi: باب حسن الجوار وإكرام الضيف من الإيمان (Bab Berjiran Dengan Baik Dan Memuliakan Tetamu Adalah Sebahagian Daripada Iman), al-Itsyubi pula membuat tajuk yang berbunyi: باب عدم إيمان من يخاف جاره ضرره (Bab Tentang Ketiadaan Iman Orang Yang Jirannya Takutkan Kejahatannya).

¹⁷⁰ Ada dua kemungkinan untuk orang berkenaan tidak masuk syurga. Sama ada di tempat ini atau di tempat-tempat lain seumpamanya: (1) Sekiranya dia menganggap perbuatan jahatnya itu halal, di samping dia memang telah mengetahui tentang keharamannya, maka dia menjadi kafir dan tidak akan masuk syurga sama sekali. (2) Dia tidak akan dapat memasuki syurga bersama-sama orang lain ketika mereka memasukinya sebaik saja pintu-pintunya dibuka. Masuknya lewat, setelah sekian lama orang-orang lain memasukinya. Andai kata dia dapat masuk syurga dengan cepat sekalipun, tentunya setelah dihukum atau dimaafkan oleh mangsa kejahatannya. Kedua-dua ta'wilan ini dibuat berdasarkan i'tiqad golongan yang benar (Ahli as-Sunnah Wa al-Jama'ah), bahawa sesiapa yang mati atas tauhid, dalam keadaan berterusan melakukan dosa-dosa besar, nasibnya terserah kepada Allah s.w.t. Allah mungkin mengampuninya dan memasukkannya ke dalam syurga dengan cepat. Mungkin juga Allah memasukkannya ke dalam syurga setelah dihukum terlebih dahulu.

¹⁷¹ Menurut Qadhi 'Iyaadh, orang yang jirannya tidak berasa selamat daripada kejahatan-kejahatannya adalah perderhaka yang dijanjikan neraka. Ia tidak akan masuk syurga sebelum diseksa terlebih dahulu di dalam neraka kerana kejahatannya, kecuali kalau ia diampuni Allah. **Antara kesimpulan yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah:** (1) Syurga adalah idaman sebenar seorang Islam. (2) Orang Islam haruslah merasa ingin untuk melakukan apa saja sekiranya dijanjikan syurga. Demikian juga, dia seharusnya merasa takut untuk melakukan apa saja sekiranya dijanjikan neraka. (3) Orang Islam tidak dibenar melakukan kejahatan terhadap sesiapa pun, termasuklah terhadap dirinya sendiri. (4) Jiran tetangga haruslah dihormati dan hak-hak mereka tidak boleh dicabuli. (5) Ancaman diberikan untuk menghindarkan manusia daripada